

DBKL buka kaunter baharui lesen perniagaan

KUALA LUMPUR — Mulai kelmarin, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membuka kaunter pembayaran bagi memperbaharui Lesen Perniagaan dan

Lesen Iklan Papan Tanda bagi tahun 2008.

Menurut Pegawai Perhubungan Awam (DBKL), Muhamad Sidek Khalid, pada satu kenyataannya

semalam, kaunter-kaunter itu ialah lobi Bangunan DBKL Jalan Raja Laut, lobi Menara DBKL 2, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah dan semua kaunter-kaunter

bayaran pejabat cawangan DBKL.

Katanya, bayaran mestilah dibuat sebelum 31 Disember dan denda maksimum akan dikenakan jika pemegang lesen gagal untuk

memperbaharui lesen.

"Denda sehingga RM2,000 akan dikenakan kepada pemegang lesen yang ingkar untuk memperbaharui lesennya," tegasnya.